



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 7 RABU 14HB. FEBRUARI, 1973.

1393 رابو 11 محرم PERCHUMA

D.Y.M.M. MELAWAT TIGA BUAH KAMPONG DI-DAERAH TUTONG

TUTONG. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berchemar duli melawat tiga buah kampung di-Daerah Tutong pada hari Khamis yang lalu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah di-sertai oleh adinda2 baginda, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Anak Chuchu, Pemerintah AMDB dan Major Mohammad bin Haji Daud juga turut dalam rombongan itu.

Dua buah helikopter Askar Melayu Diraja Brunei telah membawa baginda dan rombongan

dari Istana Darul Hana menuju ka-Kampung Lamunin di-mana Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Md. Jaafar dan penduduk2 di-kampung itu telah mengalu2kan keberangkatan tiba baginda.

Dari Lamunin baginda dan rombongan berjalan kaki sejauh lebih tiga batu ka-Kampung Layong di-mana murid2 sekolah dan penduduk2 di-kampung itu juga mengalu2kan keberangkatan baginda.

Di-balai raya Kampung Layong satu upacara mengalu2kan keberangkatan baginda telah di-adakan di-mana Penghulu Kampung Layong Abang bin Saat menyebarkan ucapan keshukoran atas keberangkatan tiba baginda dan rombongan ka-kampung itu dan beliau juga menyebarkan ucapan terima kasih kepada baginda dan ke-

(Lihat muka tengah)



Duli Yang Maha Mulia dan rombongan ketika melawat projek bekalan ayer yang sedang di-bina di-Kampung Layong.

Pekedai2 di-seru supaya jangan menaikkan harga2 barang keperluan sa-hari2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peniaga2 dan taukey2 kedai di-Bandar Seri Begawan telah di-seru supaya jangan menaikkan harga2 barang keperluan sa-hari2.

Seruan itu telah di-buat oleh Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran di-Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat Dato

Paduka Awang Haji Abdul Aziz dalam satu perjumpaan khas yang di-hadiri oleh 15 orang wakil dari Dewan Perniagaan China dan India di-Dewan Kemasyarakatan pada minggu lalu.

Yang Berhormat itu menerangkan bahawa beliau telah menerima aduan dari orang

ramai tentang ada-nya kenaikan harga2 barang keperluan sa-hari2 di-kedai2 Bandar Seri Begawan.

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran itu berkata, meskipun menaikkan chukai baru2 ini tetapi hanya-iah sa-bahagian kecil saja yang bukan keperluan sa-hari2.

Barang2 yang di-naikkan chukai itu di-antara-nya termasuklah minuman keras, rokok, tembakau, barang2 emas, jam, daun pakau dan minyak wangi, sementara barang2 yang tidak di-kenakan chukai ia-iah beras, gula, garam dan susu.

Salah sa-orang wakil dari Dewan Perniagaan China menerangkan sa-bahagian dari barang2 itu terpaksa di-naikkan sedikit harga-nya kerana wakil2 luar negeri membekalkan barang2 keperluan itu dengan harga yang tinggi.

Beliau menerangkan lagi mereka terpaksa menaikkan harga2 barang untuk perseimbangan kerana membayar sewa kedai dan gaji pekerja2, bagaimana pun wakil2 dari dua badan itu memberi jaminan akan memberikan kerjasama mereka kepada orang ramai.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz memberi tahu wakil2 dewan perniagaan itu, jika mereka enggan bekerjasama dengan orang ramai mengenai harga2 barang, Kerajaan sudah tentu akan bertindak yang akibat-nya akan menyusahkan lagi urusan perniagaan mereka sendiri.

Majalah Tafsir siri ke-14

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-14 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kepada orang ramai dengan harga 50 sen saksakh.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain tafsiran dan huraian ayat (160) hingga (171) dari Surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Ayer hanya di-bekalkan dua jam sa-hari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Di-sebabkan paras ayer yang terus berkurangan di-Kolam Ayer Tasek dan untuk keperluan pengguna2 ayer yang semakin bertambah, Jabatan Kerja Raya mengemukakan jadual bekalan ayer yang berikut mulai hari Khamis 15hb. Februari.

Dari jam 6.00 hingga 8.00 pagi di-Jalan Tutong, kawasan Bandar

dari dermaga sa-hingga dan termasuk kawasan Ong Sum Ping Tongkadeh, Jalan Gadong dan Jalan Berakas dari simpang lapangan terbang hingga ke-Istana Edinburgh.

Dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi di-Kampung Sultan Lama, Kampung Sungai Kedayan A dan B, Kampung Limbongan, Kam-

pong Ujong Bukit dan Kampung Bukit Salat.

Dari jam 4.00 petang hingga 6.00 petang di-kawasan dari Jalan Senuai hingga simpang lapangan terbang, kawasan perpindahan, Kampung Delima Satu, Delima Dua dan Jalan Berakas dari Perkhemahan Bolkiah hingga ka-Steshen Pemancar Radio.

(Lihat muka 8)

JEMAAH2 HAJI SELAMAT PULANG KA-TANAH AYER

SA-RAMAI 354 orang jemaah2 haji Brunei telah selamat pulang ka-tanah ayer sa-telah selesai menyempurnakan fardhu haji di-Mekah.

Rombongan pertama yang mengandungi sa-ramai 187 orang termasuk tiga orang pegawai perubatan, dua orang pegawai kebajikan haji dan sa-orang wakil Jawatankuasa Penasehat Haji telah tiba dengan kapal terbang yang di-sewa khas pada hari Rabu lepas.

Rombongan kedua yang mengandungi 120 orang jemaah haji termasuk dua orang wakil Jawatankuasa Penasehat Haji dan sa-orang pegawai kebajikan haji telah tiba dengan kapal terbang yang sama pada hari Jumaat.

Sementara 47 orang jemaah2 haji yang pergi dengan kapal laut telah tiba di-tambatan kastam Diraja pada malam Jumaat, 8hb. Februrai.



13 orang lulus bahasa Peranchis

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sa-ramai tujuh orang chalun bukan Melayu lulus peperiksaan darjah dua bahasa Melayu. Peperiksaan itu dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa pada bulan Disember yang lepas.

Enam orang dari mereka mengambil peperiksaan itu di-sekolah Melayu Puser Ulak Bandar Seri Begawan dan sa-orang lagi di-sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

Sementara itu sa-ramai 13 orang chalun lulus peperiksaan bahasa Peranchis. Tiga lulus peringkat rendah dua di-Maktab Anthony Abell Seria dan sepuluh lain-nya lulus peringkat rendah empat di-sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait.

Peperiksaan itu juga telah di-adakan pada tahun lalu.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan Setia Usaha JHEU ada-lah di-antara yang menyambut kepulangan jemaah2 haji, (gambar paling atas) manakala gambar2 atas menunjukkan salah sa-orang jemaah haji sedang di-pimpin keluar dari bangunan kastam (kiri) dan sa-bahagian dari jemaah haji dalam rombongan pertama turun dari kapal terbang (kanan).

Tiga orang di-chalunkan untuk penghulu Mukim Ukong

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Md. Ja'afar telah menyaksikan penchalunan bagi jawatan Penghulu Mukim Ukong yang berlangsung di-Kampung Ukong, Ulu Tutong pada minggu lalu.

Tiga orang chalun yang dipilih bagi memenohi jawatan tersebut ia-lah Awang Kapal bin Bundan, Awang Libut bin Uking dan Awang Ringgit bin Luang.

Menurut undang2, nama chalun2 itu akan di-serahkan kepada kerajaan untuk di-siasat.

Penchalunan itu di-lakukan kerana sementara menantikan Penghulu Awang Kula bin Kambur yang akan bersara.

Sementara itu penduduk2 di-Mukim Telisai Daerah Tutong akan berhimpun di-Balai Raya Telisai pada pukul 10.00 pagi 24hb. Februari ini untuk memilih chalun2 bagi jawatan penghulu Tingkatan II di-kawasan itu.

Mukim Telisai mengandungi kampong2 Telamba, Paku, Danau, Bukit Beruang, Bukit Pasir, Keramat, Tumpuan Ugas, Penyatang, Penapar, dan Telisai.

Penghulu baru itu akan menggantikan jawatan Awang Ismail bin Damit yang akan bersara.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohammad Ja'afar berkata, semua penduduk2 di-Mukim Telisai yang berumur 21 tahun

ka-atas ada-lah di-kehendaki hadir ka-Balai Raya Telisai pada hari tersebut.

Kata-nya, mereka yang ingin menjadi chalun hendaklah raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, berumur antara 30 hingga 45 tahun dan lulus darjah lima sekolah Melayu. Chalun2 itu juga hendaklah tinggal di-kawasan tersebut dan bukan sa-orang pegawai kerajaan atau kaki tangan mana2 jua sharikat perniagaan.

Borang2 bagi menjadi chalun itu boleh di-dapati dari Pegawai Daerah Tutong.

Bekalan letrik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan sedang mempelawa tender2 bagi mendirikan tiang2 letrik di-kampong2 Limbongan dan Pengiran Tajuddin Hitam-Kampong Ayer di-Bandar Seri Begawan, untuk menyambungkan kawat2 yang akan membekalkan letrik kepada pengguna2 di-kedua2 kampong itu.

Sa-orang juruchapak Jabatan Letrik menyatakan, ada-lah menjadi dasar jabatan itu untuk membekalkan kuasa tersebut di-kawasan kampong ayer.

Kata-nya, lambat laun pengguna2 diseluruh kampong ayer akan memperolehi bekalan letrik.

Peperiksaan Sijil Perdagangan M'sia di-adakan bulan Julai/Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Peperiksaan trengkas, menaip ilmu menyimpan buku kira2 dan peratoran pejabat aliran Melayu dan Inggeris akan di-adakan dalam bulan Julai dan Ogos tahun ini.

Peperiksaan tersebut di-anjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Peperiksaan trengkas aliran Melayu dan Inggeris peringkat menengah dan tertinggi itu ia-lah bagi kehepatan 50 hingga 120 perkataan satu minit.

Peperiksaan ilmu menyimpan buku kira2 dan peratoran pejabat hanya bagi peringkat menengah, sementara peperc-

saan menaip bagi kecekapan dan kepantasan ia-lah peringkat menengah dan tertinggi.

Peperiksaan akauntan peringkat tertinggi hanya dalam aliran Inggeris.

Bayaran memasuki peperiksaan ia-lah \$12.00 bagi peringkat menengah dan \$14.00 bagi peringkat tertinggi.

Borang2 bagi chalun2 kelas dewasa boleh di-dapati dari Sekolah Melayu Puser Ulak, Sekolah Menengah Melayu SMJA, Maktab SOAS dan Maktab Anthony Abell di-Seria, dan ia-nya hendaklah di-kembalikan kepada penyelia kelas pelajaran dewasa di-tempat masing2 tidak lewat dari 15hb. Februari.

Borang2 bagi chalun2 persendirian boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa di-Bandar Seri Begawan dan borang beserta wang bayaran masuk hendaklah di-kembalikan-nya tidak lewat 15hb. Februari, 1973.

ALLAH Subhanahu-Wataala telah menjadikan pendengaran, penglihatan dan hati ada-lah sa-bagai alat untuk mencari ilmu pengetahuan yang membolehkan manusia mengetahui tentang kewajipan-nya menjadi manus.a yang di-berikan tugas untuk menguruskan isi alam ini dengan chara yang sa-baik2-nya dan buat menshukori nekmata Tuhan yang di-berikan kapada-nya dengan tidak terhitung.

Kalau alat2 pncapaian ilmu pengetahuan itu tidak di-gunakan buat menuntut ilmu pengetahuan, maka tetap-lah manusia itu dalam kejahilan, tiada tahu perkara2 yang sa-benar-nya dan keadaan-nya hampir sa-rupa dengan kanak2 yang hanya menghabiskan masa-nya dengan bermain2, membuat nakal, berkelahi mengambil barang orang, makan dan minum tiada terkawal dan sa-bagai-nya, hanya bedza-nya kanak2 itu belum berakal, sedangkan orang yang jahil itu berakal, sebab itu dia di-salahkan kalau membuat kelakuan saperti kanak2, tetapi kanak2 tidak.

Bagitu-lah bagi orang yang tidak menggunakan alat2 pncapaian ilmu pengetahuan kalau dia melanggar undang2, maka di-jatuhkan hukoman ka-atas-nya, bagitu-lah juga kalau dia melanggar hukum ugama, bahkan kalau dia salah mengerjakan perintah ugama pun dia tetap maseh di-salahkan kerana Allah Subhana-hu Wataala telah memberi ingatan di-dalam Quran, firman-nya yang bermaksud:

UMAT ISLAM DI-SERU MENUNTUT ILMU UGAMA ISLAM YANG BENAR DAN SUCHI



KHUTBAH JUMA'AT

Sa-golongan umat Islam tidak mendalami ajaran2 Islam yang sa-benar, hinggakan hukum2 Ugama Islam di-anggap mereka mengongkong dan tidak sesuai lagi dengan kehendak zaman

"Jangan-lah engkau turut apa2 yang engkau tidak ketahui, sa-sungguh-nya pendengaran, penglihatan dan hati itu masing2-nya akan di-tuntut".

Di-samping itu ada pula satu golongan manusia yang mengaku diri-nya pintar sehingga kerana merasa diri-nya pintar itu sampai hukum2 ugama pun di-anggap-nya mengongkong dan tidak sesuai lagi dengan kehendak zaman, pada hal hakikat Islam yang sa-benar-nya tidak di-kaji-nya sa-chara mendalam, yang di-ketahui-nya hanya dari hasil pendapat orang2 yang anti Islam dan musuh2 Islam atau

dari hasil buah fikiran sendiri yang bersandar kapada hawa nafsu sa-mata2.

Berhubung dengan perkara ini Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei sa-waktu memberi ucapan dalam Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1393 pada 4hb. Februari, 1973 di-Dewan Makan Sekolah Melayu Sengkuring antara lain telah berkata:

"Bersempena dengan awal tahun baru Islam tahun Hijrah 1393 ini saya ingin-lah berseru kapada seluruh umat Islam di-negeri ini supaya mengenali akan ajaran2 ugama mereka ia-itu ugama Islam yang suchi supaya kita dapat berjalan di-atas landasan-nya yang lurus dan tidak menyimpang ka-arrah yang di-larang kerana hidup dalam dunia yang di-katakan moden dan maju di-zaman sains dan teknologi ini banyak di-dapati

tarakan2 dan pengaruh2 yang boleh membawa kita kapada sikap melupakan ajaran2 ugama kita, di-tambah lagi dengan ada-nya fahaman yang merbahaya yang menyatakan bahawa ajaran2 ugama adalah mengongkong dan tidak sesuai lagi dengan kehendak zaman.

"Kapada belia2 Islam di-negeri ini saya ingin-lah menyatakan bahawa sa-belum membuat kesimpulan mengenai dengan ajaran ugama Islam atau terikut2 kapada fikiran yang merbahaya saperti yang saya nyatakan tadi mereka hendak-lah mempunyai sikap ingin menyelidiki, ingin mempelajari ugama itu sendiri terlebih dahulu, maka berdasarkan penyelidikan dan pengkajian itu saya perchaya belia2 Islam di-negeri ini akan dapat membuat kesimpulan yang tepat dan gitu dan akan dapat menjadikan Islam sabagai p e d o m a n hidup mereka".

Oleh kerana kita di-tuntut oleh Allah Subhanahu-Wataala terhadap nekmata yang di-kurniakan kapada kita, kita di-tuntut kalau tidak menggunakan penglihatan, pendengaran dan hati kita untuk mencari ilmu, dan juga di-tuntut kalau ilmu kita di-gunakan untuk ka-jahatan.

Maka ada-lah di-serukan kapada umat Islam supaya menuntut ilmu ugama Islam yang benar dan suchi di-samping ilmu2 lain yang berguna. Mudah2an dengan demikian tidak-lah akan timbul anggapan bahawa ugama Islam itu mengongkong dan tidak sesuai lagi dengan kehendak zaman.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Jaya bin Abdul Latif (no 2 dari kanan) dan Kadzi Daerah Belait, Abang Haji Razali bin Abang Haji Zainuddin (kanan sekali) ketika menyaksikan acara2 persembahan dalam majlis sambutan Awal Tahun

Hijrah 1393 yang telah diadakan di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada malam Jumaat yang lalu.

Berita lanjut dan lain2 gambar dalam sambutan itu di-siarkan di-muka 7. Gambar JHEU/BP.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 14hb. Februari, 1973 hingga ka-hari Selasa 20hb. Februari, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
14hb. Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
15hb. Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
16hb. Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
17hb. Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
18hb. Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
19hb. Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
20hb. Feb.	12-39	4-39	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



▲ Sa-telah selesai upacara menyembahkan ucapan keshukoran, bacaan do'a selama bachakan. Gambar atas menunjukkan D.Y.M.M., adinda2 Baginda, Y.A.M. Pengiran Sa'at Diraja dan Pegawai Daerah sedang menadah tangan bagi mengaminkan do'a yang di-bachakan itu.

▲ Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di-Kampung Layong telah di-alu2kan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar.

▼ Duli Yang Maha Mulia sedang menerima chenderamata yang berupa bedil dari penduduk Kampung Layong.



▲ Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dengan di-bantu oleh Kadzi Daerah Tutong, Awang Haji Ishak bin Adam sedang menanda-tangani buku pelawat apabila Baginda dan rombongan me-wat ka-Mesjid Tanjong Maya yang baru yang menelan belanja kira2 \$42,000.00.

▲ Duli Yang Maha Mulia ketika menerima chenderamata yang berupa sa-batang tongkat dari penduduk2 Kampung Tanjong Maya.

► Duli Yang Maha Mulia ketika berjabat salam dengan penduduk2 di-Kampung Layong.



Lawatan D. Y. M. M. ka-Daerah Tutong

(Dari muka 1)

rajaan baginda kerana memberi kemudahan2 seperti jalan raya dan lain2 lagi untuk kesenangan penduduk2 di-kampung tersebut.

Baginda kemudian telah di-hadiahkan chenderamata yang berupa sa-biji gansa dan bedil tembaga oleh penduduk2 di-kampung itu.

Sa-telah itu baginda dan rombongan telah menyaksikan projek bekalan ayer yang sedang dalam pembinaan di-kampung itu.

Dari Layong baginda berangkat dengan helikopter ka-Kampung Tanjong Maya, dimana murid2 sekolah dan penduduk2 di-kampung itu sedia menunggu untuk mengalu2kan keberangkatan tiba baginda.

Sapertimana di-Kampung Layong, baginda juga menerima ikrar ta'at setia dari penduduk2 di-situ yang telah disampaikan oleh Penghulu Mukim Tanjong Maya, Bendahari Ghafar bin Haji Saidi.

Baginda kemudian telah di-hadiahkan chenderamata yang berupa bedil tembaga dan tongkat.

Baginda dan rombongan juga melawat mesjid berharga \$42,000.00 yang baru saja siap di-bina dan melawat sekolah di-mukim itu.

Murid2 sekolah yang berbaris di-tepi jalan telah mengucapkan Daulat Tuanku sa-baik2 saja baginda melalui barisan murid2 itu menuju helikopter untuk berangkat balik ka-Istana, jam 12.00 tengah hari.

Baginda dan rombongan telah menghabiskan masa lebih dari dua jam untuk melawat ka-tiga2 buah kampung tersebut dan baginda serta rombongan telah di-alu2kan dengan meriahnya oleh rakyat baginda di-kampung2 yang baginda lawati.



Duli Yang Maha Mulia dan rombongan berangkat sa-telah melawat Sekolah Melayu Layong.



Duli Yang Maha Mulia dan rombongan ketika di-alu2kan oleh penduduk Kampung Tanjong Maya.



Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia di-Kampung Lamunin juga telah di-alu2kan oleh kaum ibu. Gambar atas menunjukkan Baginda sedang di-ziarahi oleh kaum ibu di-kampung tersebut.

Perlumbaan rentas desa Sekolah2 Melayu, Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlumbaan rentas desa antara sekolah2 rendah Melayu dan Inggeris seluruh negeri akan di-adakan dalam bulan ini.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pelajaran Bahagian Pendidikan Jasmani berkata, tiap2 sekolah di-bolehkan menghantar tiga pasukan yang mengandungi sa-ramai tujuh orang peserta termasuk sa-orang simpanan, dan tiap2 sa-orang di-bolehkan mengambil dua bahagian ia-itu berpasokan dan perseorangan.

Perlawanan di-bahagian kapada tiga kumpulan — A bagi murid2 lelaki yang di-lahirkan dalam tahun 1959 ka-atas, kumpulan B bagi murid2 lelaki yang di-lahirkan dalam tahun 1957 dan 1958, sementara kumpulan C bagi murid2 perempuan yang tidak di-hadkan umur-nya.

Perlumbaan bagi sekolah2 rendah Daerah Belait akan di-adakan pada 17hb. Februari di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria pada pukul 2.00 petang.

Kawasan Brunei Satu dan Tutong Satu pada 18hb. Februari masing2 di-Sekolah Melayu Angrek Desa dan Muda Hashim mulai pukul 2.00 petang.

Tutong Dua pada 20hb. Februari di-Sekolah Melayu Tanjong Maya jam 2.00 petang; Brunei Tiga di-Sekolah Melayu Dato Gandi jam 2.00 petang, Daerah Temburong pada 28hb. Februari di-Sekolah Melayu Sultan Hassan jam 2.30 petang. Sementara, perlawanan seluruh negeri akan di-adakan pada 10hb. Mach di-padang SMJA, Bandar Seri Begawan mulai pukul 2.30 petang.

Lebeh 3,000 T.V. di-impot

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penduduk2 Brunei pada masa ini mempunyai lebeh dari 3,000 buah peti talibishen yang kebanyakannya di-impot dari Jepun, Singapura, Malaysia, United Kingdom dan yang lain-nya dari Australia, Jerman, Hong Kong dan Itali.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perangka-

an, sa-banyak 1,368 buah peti2 talibishen telah di-impot dalam tahun 1971 dan 1,681 buah lagi di-impot dalam tahun 1972.

Semua harga talibishen dalam tahun2 tersebut berjumlah sa-banyak \$1,602,231.00 dan kerajaan telah mengenakan cukai impot berjumlah \$115,801.40.



Gambar2 JHEU/BP ini menunjukkan mempersembahkan lagu2 nashid (atas) ia-itu salah satu achara dalam majlis sambutan itu, manakala gambar2 bawah peserta2 peraduan Berzanji dan Azan.

SAMBUTAN AWAL MUHARAM DI-K.B.

KUALA BELAIT. — Satu majlis sambutan awal Tahun Hijrah 1393 telah di-ada di-Dewan Kemasyarakatan, Kuala Belait pada minggu lalu.

Sambutan itu telah di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Penerangan, Kuala Belait dan di-kelolakan dengan kerjasama Persatuan Bumiputera Belait.

Sambutan itu di-penohi dengan peraduan2 Azan dan Berzanji, persembahan2 nashid dan bacaan Al-Quran.

Peraduan Azan yang terbuka kapada peserta2 lelaki yang berumur 18 tahun ka-atas telah di-menangi oleh Awang Rabie bin Metali; kedua, Awang Wahid bin Taha dan pemenang ketiga ia-lah Awang Ramli bin Metali.

Peraduan Berzanji yang terbuka kapada peserta2 wanita telah di-menangi oleh Dayang Aminah bte. Mohammad; ke-

dua, Dayang Norhayati bte. Hamdi dan Dayang Aisah bte. Hassan mendapat tempat ketiga.

Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Jaya bin Abdul Latif yang merasmikan sambutan pada malam itu, juga telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 peraduan Azan dan Berzanji.

Sambutan Hari Raya Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bahteramu akan mengadakan majlis sambutan Hari Raya Haji di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada 15hb. Februari mulai jam 7.30 malam.

Sa-orang juruchapak persatuan itu menyatakan sambutan itu ada-lah kali yang keempat dan ia-nya di-adakan sa-bagai salah satu dari projek tahunan-nya.

Achara2 yang akan di-persembahkan termasuk-lah membaca sajak, hadzarah dan peraduan pakaian beragam yang terbuka kapada orang2 perseorangan, belia2, persatuan2 kebajikan, maktab2 dan sekolah2 di-seluruh negeri ini.

Peraduan membaca sajak terbahagi kapada peserta perseorangan dan berpasangan.



SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

Tawaran untuk menguruskan sa-buah kantin di-Bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bandar Seri Begawan

Tawaran2 ada-lah di-pelawa untuk menyewa bagi menguruskan perkhidmatan sa-buah kantin di-bangunan yang di-nyatakan di-atas ini sa-lama dua tahun dari 1hb. Mei, 1973.

2. Penawar yang berjaya tidak di-benarkan menyewakan kantin itu kepada orang lain, tetapi mesti-lah menguruskan perkhidmatan itu sendiri.

3. Penawar yang berjaya akan di-kehendaki mengadakan perkakas2 dapur yang perlu, peti2 sejok refrigerator, pisau, sudu dan gerpu, pinggan mangkok dan perkakas2 minum dari darjah yang jenis yang di-luluskan oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan.

4. Penawar yang berjaya mesti-lah membayar sewa suku tahun sa-kali sa-belum di-benarkan berniaga.

5. Kantin itu ada-lah di-buka kepada kaki-tangan Jabatan Kerajaan tetapi tidak di-bukaan kepada orang ramai kechuali saperti berikut:-

i) Orang2 yang mempunyai urusan dengan Jabatan Kerajaan.

ii) Orang ramai yang meng-hadhiri sa-barang pertunjokan di-Dewan bangunan tersebut.

6. Kantin akan di-buka dari jam 6.30 pagi hingga 5.00 petang tiap2 hari, termasuk hari Jumaat, Ahad dan kelepasan awam.

7. Pekerja2 yang menchukupi mesti-lah di-adakan untuk mengawas kantin dan menawarkan perkhidmatan kepada kaki-tangan Kerajaan.

8. Pemborong itu akan di-kehendaki menjual minuman

rengan, makanan, rokok, teh dan kopi tetapi minuman yang memabokkan tidak di-benarkan di-jual. Semua makanan, minuman dan lain2 barang yang di-jual mesti-lah mengikut harga yang telah di-persetujui di-antara Pengarah Penyiaran dan Penerangan dan Pemborong.

9. Pemborong ada-lah bertanggung-jawab untuk membayar tuntutan pemakaian ayer, letrik dan gas.

10. Penawar yang berjaya akan di-berikan menyewa sa-lama dua tahun buat pertama kali-nya. Ia akan di-kehendaki mengikut semua arahan yang mungkin di-beri dari masa ka-semasa oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan de-

ngan pengurusan kantin itu.

11. Tawaran2 yang bertanda "Perkhidmatan Kantin untuk Jabatan Penyiaran dan Penerangan" mesti-lah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei, Jabatan Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sa-belum jam 4.00 petang 1hb. Mach, 1973.

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang tinggi sa-kali atau sa-barang tawaran; pertimbangan akan di-berikan kepada darjah perkhidmatan yang dapat di-tawarkan oleh Pemborong. Maka dengan sebab itu, ada-lah perlu bagi penawar2 menyatakan pengalaman mereka mengenai pengurusan perkhidmatan sa-buah kantin.

Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk di-lantek sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei. Pemohon2 bagi jawatan ini mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan I atau Kerani Bahagian 'A' Lantekan Khas.

Sa-seorang pegawai hendak-lah menghantarkan permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dengan menyatakan tugas2 yang di-buat oleh pegawai itu dan kesesuaian-nya untuk di-naikkan

pangkat, serta satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-buat dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada pejabat ini dan mesti-lah sampai kepada Pegawai Perjawatan tidak lewat dari 6hb. Mach, 1973. Permohonan2 yang di-terima sesudah tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan.

Sa-bagai Wadar

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan kosong sa-bagai Wadar (3 jawatan kosong) di- Jabatan Penjara, Brunei.

Kelayakan2:

(a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya tingkatan II Sekolah Melayu atau yang sa-banding dengan-nya.

(b) Mesti-lah berumur di-antara 18 dan 28 tahun.

(c) Tinggi sekurang2-nya 5' 2".

(d) Lingkaran dada (biasa) sekurang2-nya 32".

Gaji:

Dalam sukatan gaji Pr 1 EB 2 — \$230x5-265/EB/270x5-295.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Penguasa Penjara, Pejabat Penjara, Bandar Seri Begawan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 5hb. Mach, 1973. Permohonan2 yang lewat diterima dari tarikh tersebut tidak akan di-layani.

Di-Jabatan Majlis Meshuarat

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Majlis Meshuarat, Brunei.

A. OPERETER TALIPON: (1 jawatan)

Kelayakan2:-

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 perempuan berumur di-antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

B. PEMBERSEH DEWAN: (1 jawatan)

C. TUKANG KEBUN: (2 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1 EB 2 — \$180x5-195/EB/200x5-215.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 28hb. Februari, 1973.

Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun sa-bagai Kerani Bahagian 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan untuk di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkat Khas I. Kerani2 Bahagian 'A' yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang sa-banding boleh-lah juga memohon untuk di-pertimbangkan.

2. Chalu2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kepada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka dan mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan tidak lewat dari 10hb. Mach, 1973. Ketua2 Jabatan sa-masa menghantarkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentuk surat) mesti-lah menyertakan Laporan2 Sulit mengenai pegawai2 ini dengan menyatakan tugas2 mereka sekarang dan kesesuaian mereka untuk di-naikkan pangkat. Satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan bersama.

Sa-bagai Pemberita Majlis

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untuk memenohi jawatan Pemberita Majlis di-Jabatan Majlis2 Meshuarat, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

i) Chalu2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 5 tahun. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai penealaman luas dalam kerja2 jurutrenkas boleh juga di-pertimbangkan.

ii) Trengkas : Perengkat Tertinggi 110 p.s.m.

Msenaip : 45 p.s.m.

iii) Pengalaman bekerja sa-bagai jurutrenghas sam-

bilan di-Jabatan Majlis Meshuarat merupakan suatu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 4 EB 5 — \$540x20-660/EB/690x20-750.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantarkan permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang, baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat dari 6hb. Mach, 1973.

Hanya 15 kejadian penyakit Malaria di-kesan tahun lalu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Projek Penghapusan Malaria menyatakan bahawa terdapat 15 kejadian penyakit Malaria di-negeri ini pada tahun lalu.

Ketua Projek Penghapusan Malaria, Dr. Y.T. Wu menyatakan demikian dalam laporan tahunan-nya dan membahagi2kan kejadian itu sa-bagai 11 di-datangkan dari luar, dua di-jangkiti semula, satu samada baru atau di-jangkiti semula dan satu tidak di-ketahui.

Tidak ada kejadian burok di-laporkan, dan ini ada-lah di-sebabkan oleh langkah2 penghapusan malaria yang ketat di-jalankan oleh projek tersebut.

Salah satu dari langkah2 itu ia-lah dengan menyembor ubat DDT.

Menurut laporan tahunan itu, sa-banyak 1,329 buah rumah, pondok dan bangunan2 lain di-58 buah kampung di-ke-empat2 buah daerah telah di-sembor ubat DDT semasa gerakan pertama yang di-lancarkan dari bulan Januari hingga bulan Jun tahun lalu.

Semasa gerakan kedua di-jalankan hanya 968 buah rumah, pondok dan bangunan2 lain telah di-sembor.

Tidak ada ka-enggan di-laporkan pada keseluruhan tahun lalu.

Semasa kempen2 itu di-jalankan, sa-banyak 5,761 litre ubat DDT telah di-gunakan.

Pembayaran penchen2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak \$124,687.50 telah di-bayar untuk perkhidmatan Kebajikan Penchen2 Negara Brunei bagi bulan Januari, 1973.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Brunei menunjukkan bahawa sa-banyak \$119,550.00 telah di-bayar kepada penerima2 penchen umur tua; \$4,550.00 di-bayar bagi penchen orang2 buta serta tanggungan-nya dan \$587.50 di-bayar bagi alaan orang2 tanggungan penyakit kusta dan gila.

Berikut ini ia-lah penyata kasar yang menunjukkan pembayaran penchen2 bagi seluruh negeri dalam bulan Januari yang lalu.

PENCHEN UMOR TUA

Daerah Brunei dan Muara	\$ 66,275.00
Daerah Belait	22,050.00
Daerah Tutong	25,000.00
Daerah Temburong	6,225.00
Jumlah:	119,550.00

PENCHEN ORANG2 BUTA SERTA TANGGONGAN-NYA.

Daerah Brunei dan Muara	\$ 3,087.50
Daerah Belait	687.50
Daerah Tutong	550.00
Daerah Temburong	225.00
Jumlah:	4,550.00

ALAON ORANG2 TANGGONGAN PENYAKIT KUSTA DAN GILA

Daerah Brunei dan Muara	\$ 337.50
Daerah Belait	187.50
Daerah Tutong	62.50
Daerah Temburong	—
Jumlah:	587.50



Perbekalan alat2 perkakas pelajaran

- Keterangan2 mengenai perjanjian dan syarat2 untuk membekal alat2 dan perkakas2 sekolah dari jenis2 yang berikut ada-lah di-kehendaki oleh Jabatan Pelajaran, Brunei.
 - Alat2 tulis dan perkakas2 bilek darjah, termasuk alat2 kira mengira.
 - Peta2 dinding, peta2 bulat dan lain2 alat dan perkakas2 untuk Ilmu Alam.
 - Alat2 dan perkakas2 untuk Sains.
 - Alat2 dan perkakas2 untuk lihat dan dengar, dan terutama-nya termasuklah peta2 dinding (wall-charts), jalur2 filem, fi lem2, piring2 hitam dan alat2 perkakas suara (tapes).
 - Alat2 dan perkakas2 menjahit.
 - Alat2 dan perkakas2 lukisan dan pertukangan tangan.
 - Alat2 dan perkakas2 pertukangan kayu.
 - Alat2 dan perkakas2 pertukangan logam.
 - Alat2 dan perkakas2 sukan dan olahraga.
- Semua pembekal2 bagi sebarang jenis alat2 sekolah ini yang mana nama2 mereka berada dalam daftar yang telah di-persetujui, dan jika mereka ingin nama2 mereka berada lagi di-dalam daftar, hendaklah mengemukakan satu permohonan baru dengan penerangan berikut mengenai perkara itu sa-belum 15hb. Mach, 1973. Sebarang pembekal yang lain yang tidak ada nama-nya di-dalam daftar, tetapi ingin supaya di-tulis kadalam daftar, hendaklah juga membuat permohonan mengenai perkara itu sa-belum 15hb. Mach, 1973.
- Penerangan dari pembekal2 mesti-lah sampai di-terima oleh Pengarah Pelajaran, Brunei, pada hari Khamis, 15hb. Mach, 1973.
- Permohonan bagi mendapatkan penerangan ini tidak-lah berarti ada-nya sebarang tanggungan oleh Pengarah Pelajaran untuk memasuki sebarang konterek atau perjanjian bagi membekal apa2 jua jenis peralatan dan perkakas2 sekolah dengan mana2 pembekal.

Chatuan ayer

(Dari muka 1)

Dari jam 4.00 petang hingga 6.00 petang di-Kampung Pengiran Pemanha Lama hingga Kampung Tamoi Ujong.

Dari 7.00 malam hingga jam 9.00 malam di-Kampung Lurong Sikuna A, Bakut Berumput, Bakut Pengiran Si-Raja Muda. Pekan Lama, Sungai Pandan, Pantai Besi, Lurong Dalam, Burong Pingai dan Sungai Asam.

Dari jam 10.00 malam hingga jam 5.00 pagi di-Kampung Peramu A dan B, Saba Ujong, Saba Te-

ngah, Saba Laut dan Lurong Sikuna B.

Dari jam 9.00 malam hingga jam 4.00 pagi yang di-kenakan berselang hari di-Kampung Angerek Desa, Kampung Orang Kaya Besar Imas, Kampung Pancha Delima, Jalan Muara dari Kampung Manggis hingga Sekolah Sungai Hanching dan Jalan Berekas sa-lepas Steshen Siaran Radio.

Orang ramai ada-lah di-minta supaya bekerjasama untuk ber-jimat menggunakan ayer dan melaporkan sebarang paip yang buchor.

GERAKAN meruboh rumah2 yang tidak kukuh untuk di-diami yang letak-nya di-Jalan Tutong dan termasuk dalam kawasan bandaran maseh di-teruskan oleh pekerja2 Bandaran Bandar Seri Begawan.

Gerakan meruboh rumah2 tersebut telah di-mulakan dalam bulan Disember yang lalu sa-telah notis yang di-keluarkan oleh Lembaga Bandaran tidak di-patohi.

Notis telah di-keluarkan kepada tuan2 punya rumah2 itu, tetapi sa-hingga tempoh notis itu, rumah2 itu maseh juga tidak di-ruboh.

Oleh kerana notis yang di-keluarkan menurut undang2 dan peraturan Lembaga Bandaran itu tidak di-hormati, maka Lembaga Bandaran terpaksa mengambil tindakan yang muktamat untuk meruboh rumah2 itu.

Gambar atas menunjukkan pekerja2 Bandaran kelihatan sedang meruboh salah sa-buah rumah yang telah di-beri notis itu.

Permohonan untuk naik haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 Kerajaan yang berhak untuk mendapat mengurniaan wang tambang kerana menunaikan fardhu haji ka-Mekah ada-lah di-minta supaya menghantar permohonan2 mereka untuk mendapatkan wang tambang tersebut bagi musim haji 1973/1974 untuk di-pertimbangkan.

Menurut surat keliling Setia Usaha Kerajaan yang di-keluarkan pada 12hb. Februari ini menyatakan bahawa permohonan2 mereka itu hendaklah sampai ka-kapada Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat dari 10hb. Mach, 1973. Permohonan2 yang di-terima sa-lepas tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Semua permohonan hendaklah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa ada-lah di-kehendaki mengedarkan permohonan2 itu ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan beserta dengan laporan2 lengkap mengenai pemohon2.

**MENDERMA-LAH
KAPADA
TABONG
PEMBINAAN
STADIUM
SA-BERAPA
BANYAK
YANG BOLEH**